

## BAB IV

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan melaporkan dapatan yang diperolehi serta membuat interpretasi yang relevan berdasarkan soalselidik yang telah ditadbirkan terhadap responden kajian yang terdiri daripada pengetua dan guru besar sekolah-sekolah di Bahagian Miri-Bintulu. Segala data yang terkumpul dianalisis dengan teliti dan persis, bertujuan untuk menjawab semua soalan kajian dan hipotesis yang dibina, seperti mana yang telah diperihalkan dalam bab pertama.

#### 4.2 Maklumat demografi responden

Responden kajian ini terdiri daripada 30 orang (42.9%) pengetua sekolah menengah dan 40 orang (57.1%) guru besar sekolah rendah di Bahagian Miri-Bintulu seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

**Jadual 4.1**  
**Taburan responden mengikut jawatan**

Jawatan	Bilangan	Peratusan (%)
Pengetua	30	42.9
Guru Besar	40	57.1
<b>JUMLAH</b>	<b>70</b>	<b>100.0</b>

Daripada 70 buah sekolah yang dipilih dalam kajian ini, didapati 34 buah sekolah (48.6%) terletak di lokasi bandar manakala 36 buah sekolah (51.4%) merupakan sekolah di luar bandar. Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut lokasi sekolah

**Jadual 4.2**  
**Taburan responden mengikut lokasi sekolah**

Lokasi sekolah	Bilangan	Peratusan (%)
Bandar	34	48.6
Luar bandar	36	51.4
<b>JUMLAH</b>	<b>70</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Responden lelaki adalah seramai 49 orang (70.0%) dan responden perempuan seramai 21 orang (30.0%)

**Jadual 4.3**  
**Taburan responden mengikut jantina**

Jantina	Bilangan	Peratusan (%)
Lelaki	30	42.9
Perempuan	40	57.1
<b>JUMLAH</b>	<b>70</b>	<b>100.0</b>

Pecahan responden mengikut tempoh perkhidmatan adalah sebagaimana dalam Jadual 4.4. Pengetua dan guru besar yang berkhidmat kurang daripada 5 tahun adalah seramai 26 orang (37.1%), 5 hingga 10 tahun seramai 16 orang (22.9%), 11 hingga 15 tahun seramai 5 orang (7.1%) dan melebihi 15 tahun seramai 23 orang (32.9%).

**Jadual 4.4**  
**Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan**

Jantina	Bilangan	Peratusan (%)
Kurang daripada 5 tahun	26	37.1
5 hingga 10 tahun	16	22.9
11 hingga 15 tahun	5	7.1
Melebihi 15 tahun	23	32.9
<b>JUMLAH</b>	<b>70</b>	<b>100.0</b>

#### **4.3 Tahap stres di kalangan pengetua dan guru besar**

Kajian ini secara amnya bertujuan untuk meninjau sejauh manakah tahap stres yang sebenarnya dialami oleh pengetua dan guru besar. Berpandukan kepada Jadual 4.5, min dan sisihan piawai bagi pengetua ialah 2.7430 dan 0.6800 mana kala min dan sisihari piawai bagi guru besar ialah 2.6073 dan 0.5562 masing-masing. Min item bagi keseluruhan pengetua dan guru besar bernilai 2.6654 dan sisihan piawainya ialah 0.6114. Oleh itu, pengetua dan guru besar sekolah-sekolah di Bahagian Miri-Bintulu mengalami stres pada tahap sederhana sahaja.

**Jadual 4.5**  
**Tahap stres di kalangan pengetua dan guru besar**  
**berdasarkan min item**

	Pengetua	Guru Besar	Keseluruhan
n	30	40	70
Min	2.7430	2.6073	2.6654
sp	0.6800	0.5562	0.6114

#### 4.4 Stresor dominan di kalangan pengetua dan guru besar

Berdasarkan kepada soalselidik ASI, pengetua dan guru besar telah diminta untuk menilai sejauh manakah item-item yang dikemukakan berpotensi mewujudkan stres ke atas mereka. Jadual 4.6 menunjukkan kedudukan keutamaan 10 stresor dominan di kalangan pengetua dan guru besar sekolah-sekolah di Bahagian Miri-Bintulu yang disusunatur mengikut kekuatan nilai min item. Stresor-stresor tersebut adalah harapan tinggi yang dijangkakan sebagai pemimpin sekolah oleh Kementerian atau Jabatan Pendidikan (3.46), terlalu banyak 'paperwork' (3.21), kemudahan fizikal, peralatan atau sumber sekolah yang selalu tidak atau kurang mencukupi dan tidak selesa (3.16), penyenggaraan sekolah yang kurang baik atau tiada berkesudahan (3.06), membuat penilaian prestasi terhadap kemajuan kerja

semua subordinat (2.81), merasakan subordinat tidak atau kurang memahami matlamat dan ekspektasi (2.76), kekurangan guru terlatih atau staf sokongan sekolah (2.73), masalah guru atau staf sokongan tidak hadir dan urusan guru ganti (2.66), kekerapan menjalankan urusan di luar waktu pejabat (2.63) dan kekerapan menghadiri atau mengendalikan mesyuarat (2.61).

**Jadual 4.6**  
**Kedudukan keutamaan 10 stresor dominan**  
**di kalangan pengetua dan guru besar**

Kedudukan keutamaan	No. item	Faktor stres	Min item
1	4	Harapan tinggi yang dijangkakan daripada anda sebagai pemimpin sekolah oleh Kementerian / Jabatan Pendidikan	3.46
2	5	Terlalu banyak 'paperwork'	3.21
3	13	Kemudahan fizikal, peralatan atau sumber sekolah yang selalu tidak / kurang mencukupi dan tidak selesa	3.16
4	14	Penyenggaraan sekolah yang kurang baik atau tiada berkesudahan	3.06
5	19	Membuat penilaian prestasi terhadap kemajuan kerja semua subordinat	2.81
6	3	Merasakan subordinat tidak / kurang memahami matlamat dan ekspektasi anda	2.76
7	17	Kekurangan guru terlatih atau staf sokongan sekolah	2.73
8	20	Masalah guru / staf sokongan tidak hadir dan urusan guru ganti	2.66
9	8	Kekerapan menjalankan urusan di luar waktu pejabat	2.63
10	12	Kekerapan menghadiri atau mengendalikan mesyuarat	2.61

#### **4.5 Faktor CPS dan strategi menangani stres di kalangan pengetua dan guru besar**

Kesemua 26 item menangani stres dalam instrumen *Coping Preference Scale* (CPS) dibahagikan kepada tujuh Faktor CPS seperti yang telah diuraikan dalam bab 3 (Jadual 3.1). Kedudukan keutamaan bagi Faktor CPS ini ditunjukkan dalam jadual 4.7, di mana Faktor IV : Sikap positif, dengan min 3.68 di tahap teratas, diikuti Faktor VI : Pengurusan masa dan organisasi (3.50), Faktor V : Perspektif realistik (3.38), Faktor III : Intelektual, sokongan sosial dan kerohanian (3.23), Faktor VII : Pertambahan penglibatan (3.17), Faktor I : Program kesihatan fizikal yang baik (3.08) dan faktor II : Pengunduran dan pemulihan menduduki tahap paling bawah dengan min 2.55.

**Jadual 4.7  
Kedudukan keutamaan Faktor CPS**

Kedudukan keutamaan	Faktor	Perihalan	Bilangan item	Min
1	IV	Sikap positif	4	3.68
2	VI	Pengurusan masa dan organisasi	2	3.50
3	V	Perspektif realistik	3	3.38
4	III	Intelektual, sokongan sosial dan kerohanian	4	3.23
5	VII	Pertambahan penglibatan	2	3.17
6	I	Program kesihatan fizikal yang baik	4	3.08
7	II	Pengunduran dan pemulihan	7	2.55

Bagi tujuan mengenalpasti cara-cara yang lazim diamalkan bagi menangani atau meminimakan tahap stres, sebanyak 26 item di kemukakan melalui soalselidik CPS. Jadual 4.8 menunjukkan pilihan 10 strategi utama menangani stres di kalangan pengetua dan guru besar di Bahagian Miri-Bintulu iaitu mengamalkan kemahiran hubungan kemanusiaan yang baik, yang menduduki tahap teratas keutamaan dengan min item yang paling ketara iaitu 4.16, diikuti mengutamakan pengurusan masa (3.84), menghadapi dan menyelesaikan masalah secara optimis dan berobjektif (3.79), berbincang atau berbual dengan ahli keluarga atau kawan karib (3.61), melibatkan diri dengan aktiviti yang membantu pertumbuhan kerohanian (3.43), mengekalkan unsur-unsur kecindan (3.42), menggunakan peluang dalam perkhidmatan untuk meningkatkan repertoire pengurusan (3.41), menetapkan matlamat yang realistik (3.40), mengekalkan tabiat tidur yang teratur (3.37) dan menjana mental positif dan self-supportive (3.34).

## **4.6 Pengujian hipotesis**

### **4.6.1 Hipotesis nul pertama**

*H<sub>0</sub> 1 : Tiada perbezaan tahap stres yang signifikan di antara Pengetua dan Guru Besar.*

Ujian-t telah dijalankan untuk melihat sama ada ujud perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua dan guru besar. Jadual 4.9 menunjukkan min dan

sisihan piawai bagi pengetua ialah 2.7430 dan 0.6800 manakala min dan sisihan piawai bagi guru besar ialah 2.6070 dan 0.5562. Nilai  $t = 0.918$  dan  $p = 0.362$  yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9 adalah tidak signifikan pada paras 0.05. Dengan itu, hipotesis nul pertama diterima.

**Jadual 4.8**  
**Kedudukan keutamaan 10 strategi menangani stres**

Kedudukan keutamaan	Strategi menangani stres	Min item
1	Mengamalkan kemahiran hubungan kemanusiaan yang baik dengan staf, pelajar dan ibu bapa	4.16
2	Mengutamakan dan menggunakan teknik pengurusan masa	3.84
3	Menghadapi dan menyelesaikan masalah secara optimis dan berobjektif	3.79
4	Berbincang / berbual dengan ahli keluarga atau kawan karib	3.61
5	Melibatkan diri dengan aktiviti yang membantu pertumbuhan kerohanian	3.43
6	Mengekalkan unsur-unsur kecindiran	3.42
7	Menggunakan peluang dalam perkhidmatan untuk meningkatkan <i>repertoire</i> pengurusan	3.41
8	Menetapkan matlamat yang realistik	3.40
9	Mengekalkan tabiat tidur yang teratur / tetap	3.37
10	Menjana mental positif dan <i>self-supportive</i>	3.34

**Jadual 4.9**  
**Keputusan Ujian-t bagi perbezaan tahap stres**  
**di antara pengetua dan guru besar**

Jawatan	n	min	sp	Nilai t	p
Pengetua	30	2.7430	0.6800	0.918	0.362
Guru besar	40	2.6072	0.5562		

#### **4.6.2 Hipotesis nul kedua**

*H<sub>o</sub> 2 : Tiada perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua atau guru besar yang berkhidmat di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar*

Jadual 4.10, menunjukkan min dan sisihan piawai bagi sekolah di bandar ialah 2.8300 dan 0.5470, sementara min dan sisihan piawai bagi sekolah di luar bandar ialah 2.5100 dan 0.6352. Nilai kebarangkalian p = 0.028 dan t = 2.252 menunjukkan terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan pada paras .05 di antara pengetua atau guru besar yang berkhidmat di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar. Maka hipotesis nul kedua ditolak.

#### **4.6.3 Hipotesis nul ketiga**

*H<sub>o</sub> 3 : Tiada perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua atau guru besar lelaki dan perempuan.*

**Jadual 4.10**

**Keputusan Ujian-t bagi perbezaan tahap stres di antara pengetua atau guru besar yang berkhidmat di sekolah bandar dan luar bandar**

Lokasi sekolah	n	min	sp	Nilai t	p
Bandar	34	2.8300	0.5470	2.252	0.028*
Luar bandar	36	2.5100	0.6352		

\* $p < 0.05$

Daripada Ujian-t, diperolehi min dan sisihan piawai bagi pengetua atau guru besar lelaki iaitu 2.6110 dan 0.6480 masing-masing, manakala min dan sisihan piawai bagi pengetua atau guru besar perempuan ialah 2.7924 dan 0.5074, seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.11. Nilai  $t = -1.140$  dan  $p = 0.258$  yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11 adalah tidak signifikan pada paras 0.05. Dengan itu, hipotesis nul ketiga diterima.

**Jadual 4.11**

**Keputusan Ujian-t bagi perbezaan tahap stres di antara pengetua atau guru besar lelaki dan perempuan**

jantina	n	min	sp	Nilai t	p
Lelaki	49	2.6110	0.6480	-1.140	0.258
perempuan	21	2.7924	0.5074		

#### 4.6.4 Hipotesis nul keempat

*H<sub>o</sub> 4 : Tiada perbezaan tahap stres yang signifikan di kalangan pengetua atau guru besar yang berkhidmat kurang daripada 5 tahun, 5 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan melebihi 15 tahun*

Bagi menguji hipotesis nul keempat ini, analisis varians sehala, ANOVA digunakan, kerana terdapat empat subkumpulan responden berasaskan tempoh perkhidmatan mereka sebagai pengetua atau guru besar, iaitu :

- a) Kurang daripada 5 tahun
- b) 5 hingga 10 tahun
- c) 11 hingga 15 tahun
- d) Melebihi 15 tahun

Jadual 4.12 menunjukkan nilai  $F = 0.821$  dan nilai  $p = 0.487$ . Pada paras .05, keputusan ujian ini adalah tidak signifikan. Maka pengetua dan guru besar di Bahagian Miri-Bintulu menunjukkan tahap stres yang sama tidak kira berapa lama tempoh perkhidmatan mereka. Hipotesis nul keempat diterima.

**Jadual 4.12**  
**Keputusan ANOVA tahap stres dengan tempoh perkhidmatan**

Tempoh perkhidmatan	Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	p
Antara kumpulan	0.928	3	0.309		
Dalam kumpulan	24.861	66	0.377	0.821	0.487
Jumlah	25.789	69			

#### 4.7 Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan pengetua dan guru besar sekolah-sekolah di Bahagian Miri-Bintulu mengalami stres pada tahap sederhana sahaja. Tidak terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua dan guru besar, di antara pengetua atau guru besar lelaki dan perempuan. Pengetua dan guru besar juga menunjukkan tahap stres yang sama tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan mereka. Hanya terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan di antara pengetua atau guru besar yang berkhidmat di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar.